

# Hospital Unisza **dijangka siap 2018**

JKR telah lantik kontraktor terpilih uruskan projek pembinaan bermula Jun ini

**KUALA NERUS** - Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) akan dimulakan selewatnya Jun ini dan dijangka siap penghujung 2018 akan datang.

Naib Canselor Unisza, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, ketika ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor yang terpilih untuk menguruskan projek berkenaan.

"Seperti mana yang dimaklumkan, pembinaan hospital ini antara yang menjadi fokus utama kami dan pembinaan akan dimulakan selewatnya Jun ini dengan mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan.

"Malah, ketika ini projek tebatan banjir di sekitar tapak untuk pembinaan hospital sedang giat dilakukan bagi mengatasi masalah banjir yang melanda sekitar kampus sebelum ini," katanya.



Ahmad Zubaidi (tengah) ketika menjawab soalan pemberita.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika Majlis Sambutan Naib Canselor Baharu di Unisza

Kampus Gong Badak, di sini, semalam. Ahmad Zubaidi merupakan Naib

Canselor ketiga yang baharu dilantik berkuat kuasa 1 Februari lalu turut bertekad untuk memperkasakan

Fakulti Perubatan, di samping akan menjalin kerjasama dengan universiti lain dalam usaha untuk memantapkan lagi bidang pendidikan negara.

"Malah, kita juga akan memperkasakan bidang pendidikan Islam serta memperkukuhkan lagi fakulti lain yang sedia ada dalam usaha untuk terus melahirkan pelajar yang cemerlang serta berkualiti," katanya.

Jelas Ahmad Zubaidi lagi, sebagai peneraju kepimpinan baharu di universiti berkenaan, beliau tidak berhasrat untuk melakukan sebarang perubahan besar, sebaliknya akan memperkukuhkan serta menambah baik pembangunan yang sedia ada.

Ahmad Zubaidi merupakan pakar bedah neurosurgi terkemuka negara dilantik sebagai Naib Canselor Unisza yang baharu bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Februari lalu menggantikan Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.